

Headline **Uruskan segera jenazah HIV Aids**
 Date **04. Apr 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **8**
 Section **NEWS** Article Size **328** cm2
 Circulation **60000** Frequency **Daily**
 Readership **0** Color **Black/White**
 AdValue **1313.04**



Uruskan segera jenazah HIV/Aids

BANDAR TEMERLOH - Imam dan pegawai masjid perlu mengikuti kursus pengurusan jenazah HIV/Aids supaya ilmu itu dikembangkan kepada kariah di kawasan masing-masing.

Kadi Daerah Temerloh, Shahrudin Muhammad Nor berkata, sebelum ini jenazah pesakit itu diuruskan Jabatan Kesihatan Daerah dan hospital kerana bimbang virus dijangkiti kepada orang lain.

Menurutnya, melalui kursus tersebut, peserta diberikan teknik penjagaan dan perlindungan diri supaya tidak terkena badan orang memandikan jenazah penyakit HIV.

"Jika ada kes kematian melibatkan pesakit ini, pasti ada orang yang tahu dan boleh menguruskan jenazah ini.

"Kita tidak boleh tunggu lama untuk menguruskan jenazah ini. Pegawai masjid yang mengikuti kursus ini, jenazah segera diuruskan dan dikebumikan.

"Dengan penerangan pejabat kesihatan, peserta tahu bagaimana melindungi diri dan menguruskan jenazah cara betul," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kursus Pengurusan Jenazah HIV/Aids di Dewan Tun Razak, di sini.

Majlis penutupan dirasmikan Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Datuk Seri Wan Abd Wahid Wan Hassan.

Program itu anjuran bersama Persatuan Persatuan Pegawai-pegawai Masjid Kariah Daerah Temerloh, Pejabat Agama Islam Daerah (Paid) dan Pejabat Kesihatan Daerah.

Shahrudin berkata, imam dan pegawai masjid perlu mempunyai ilmu da-

lam menguruskan jenazah kerana mereka menjadi tempat rujukan penduduk berkaitan jenazah terbabit.

Katanya, kursus berkenaan amat bermakna dan mendapat sambutan luar jangkaan daripada imam serta pegawai masjid daerah ini.

"Saya harap selepas ini, jika ada kematian disebabkan penyakit itu, imam dan pegawai masjid tidak perlu takut menguruskan kerana aspek keselamatan sudah diterangkan.

"Selain itu, diharapkan golongan muda mengambil peluang mempelajari ilmu ini sebagai pelapis untuk menguruskan jenazah di kawasan masing-

masing," katanya.

Dalam perkembangan lain, Shahrudin menasihati ibu bapa supaya memantau pergerakan anak-anak supaya tidak terlalu bebas.

"Ini kerana, ia boleh membawa kepada penularan penyakit ini akibat pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan serta berkongsi jarum suntikan," katanya.



Jika ada kes kematian melibatkan pesakit ini, pasti ada orang yang tahu dan boleh menguruskan jenazah ini. Kita tidak boleh tunggu lama untuk menguruskan jenazah ini. Pegawai masjid yang mengikuti kursus ini, jenazah segera diuruskan dan dikebumikan.

Shahrudin Muhammad Nor



● Shahrudin (kanan) bersama Pengerusi Imam-imam Daerah Temerloh, Syed Abu Bakar Syed Salim (kiri) menemani Wan Abd Wahid pada majlis penutupan Kursus Pengurusan Jenazah HIV/Aids di Dewan Tun Razak.